

03 JUL 1997

Marina - bimbang

MARINA: AIDS MAKIN MEMBIMBANGKAN

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Generasi muda negara mungkin akan lenyap jika langkah-langkah pencegahan terhadap AIDS tidak dapat dilaksanakan secara berkesan dari sekarang, kata Presien Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir.

Beliau berkata kebimbangan ini timbul memandangkan bilangan penghidap penyakit AIDS yang dikesan di negara ini semakin hari semakin meningkat.

Malah ramai daripada penghidap penyakit itu berumur antara 18 hingga 39 tahun, katanya ketika berucap merasmikan Minggu Kesedaran AIDS 1997/98 anjuran Kolej Za'ba, Universiti Malaya di sini hari ini. Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Elwal Pelajar) Prof Datuk Dr Zainal Kling.

Pada majlis itu Marina yang juga Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia menyampaikan replika cek bernilai RM10,000 kepada Dr Zainal bagi pihak Kolej Za'ba untuk menjalan kegiatan pencegahan AIDS.

Marina berkata menurut laporan, setiap bulan seramai 300 orang dikesan dijangkiti AIDS dan HIV dan pada bulan lepas angka itu meningkat kepada 380 orang.

Beliau berkata, "sejak 1985 sehingga Mac lepas seramai 21,026 dikesan sebagai penghidap penyakit HIV dan AIDS dan ini yang dilaporkan, tetapi yang tak dilaporkan mungkin ramai lagi."

Katanya pelbagai program sedang disusun oleh majlis itu termasuk kajian mengenai kesan AIDS terhadap ekonomi dan sosial negara.

Beliau berkata sebagai contoh akibat AIDS di sesetengah negara di Afrika sekarang rakyat remajanya telah pupus dan yang tinggal hanya orang tua dan kecil sahaja.

Katanya negara-negara berkenaan telah kehilangan tenaga yang produktif dan struktur ekonomi dan sosialnya terpaksa diubah manakala kanak-kanak pula terpaksa diajar membantu tenaga muda.

Bagaimanapun, katanya, dengan kawalan yang baik keadaan seumpama itu, tidak mungkin akan berlaku di Malaysia.

Beliau berkata sebagai badan bukan kerajaan keupayaan Majlis AIDS Malaysia untuk mencegah penyakit itu adalah terhad dan menambah pihak-pihak lain juga perlu memainkan peranan masing-masing dalam usaha ini. -- Bernama

HT oba